

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,**  
**PARLIMEN KE EMPATBELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS**  
**(JELEBU)**

**SOALAN NO 200**

**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian mengawal kemasukan kereta import terpakai daripada luar negara bagi mengelakkan pengguna di Malaysia tertipu dengan keadaan sebenar kereta yang diimport tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman, sebarang kemasukan kereta import terpakai dari luar negara ke dalam negara perlu mendapatkan Lesen Import (AP) yang dikawal dan ditadbir oleh Kementerian. Kereta terpakai yang diimport adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu termasuk dari segi isu kepenggunaan iaitu usia kereta yang dibenarkan. Asas usia kereta yang digunakan oleh Kementerian adalah berdasarkan tarikh pendaftaran pertama atau tahun asal dibuat.
2. Bagi kereta terpakai bukan kategori klasik atau vintaj, had usia yang dibenarkan diimport adalah lima tahun mulai dari tarikh pendaftaran pertama sehingga tarikh kereta dibawa masuk ke dalam negara. Bagi kereta terpakai kategori klasik atau vintaj pula, had usia yang dibenarkan adalah berdasarkan tahun asal dibuat sehingga tarikh kereta ini dibawa masuk ke dalam negara, iaitu 35 tahun dan ke atas, dan 50 tahun dan ke atas, masing-masing bagi kereta terpakai klasik dan vintaj.

3. Mulai November 2016, Kementerian telah mengadakan kerjasama pintar dengan pihak persatuan industri dan MARii (*Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute*) bagi membantu proses semakan mengenai usia kenderaan supaya maklumat ini dapat diverifikasi dengan lebih tepat dan cepat sebelum AP diproses untuk pertimbangan lanjut. Melalui kaedah ini, Kementerian yakin bahawa isu kepenggunaan berkaitan penipuan usia sebenar kenderaan dapat dielakkan.

4. Sekiranya Kementerian mendapati masih terdapat penipuan mengenai usia sebenar kenderaan yang diimport, Kementerian akan mengambil tindakan menggantung atau membatalkan kerjasama pintar berkenaan dan menggantung pemberian AP atau menyenarai hitam syarikat pengimport yang terlibat.

5. Bagi status keadaan sebenar kereta dari aspek lain, ia adalah di luar bidang kuasa pentadbiran AP oleh Kementerian. Walau bagaimanapun, MARii, selaku agensi Kementerian sedang mengkaji untuk melaksanakan *Used Vehicle Assessment System (UVAS)* supaya dapat membantu bakal pengguna di masa hadapan membuat semakan status sebenar kenderaan yang ingin dibeli dari pelbagai aspek.

Sekian, terima kasih.